

40,000 nelayan dapat manfaat

SH 1/7/2019
m/s 15

elaun sara hidup

KUALA LUMPUR - Kira-kira 40,000 nelayan telah menerima elaun sara hidup (ESH) sejak awal tahun ini susulan proses pemutihan yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, proses itu bagaimanapun masih berjalan bagi memastikan baki nelayan yang layak mendapat elaun tersebut.

"Kita dah hampir selesai sebenarnya dan dalam tahun ini kita telah berikan

elaun ini kepada kumpulan sasar yang sebenar iaitu lebih kurang 40,000 nelayan," katanya selepas menyempurnakan pelancaran penjualan sumber laut secara terus dari pusat pendaratan ke pusat jualan terpilih di Sungai Buloh di sini semalam.

Proses pemutihan terhadap petani dan nelayan itu dilakukan bagi memastikan segala bantuan sara hidup sampai kepada golongan sasar, selain mengelak ketirisan dan penyelewengan. - *Bernama*